

# HLISB, Andalusia sedia pembiayaan tunai umrah

BERITA HARIAN 18/1/2024 M/S. 24

Kerjasama strategik bolehkan pelanggan manfaat kemudahan patuh Syariah, berpatutan

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@mediaprima.com.my

**Hong Leong Islamic Bank (HLISB)** menjalin kerjasama strategik dengan Andalusia Travel & Tours (Andalusia) bagi menyediakan kemudahan pembiayaan bagi menunaikan umrah.

Melalui perkongsian itu, pelanggan Andalusia boleh memohon pembiayaan mudah, digital dan patuh Syariah daripada HLISB.

Seterusnya, HLISB akan melengkapkan pakej umrah Andalusia dengan rangkaian produk perbankan Islam yang komprehensif, sejajar dengan komitmennya untuk menegakkan nilai Islam dalam sistem perbankan dan memenuhi keperluan gaya hidup pelanggan Muslim yang pelbagai.

Ia juga membolehkan mereka yang merancang umrah untuk membiayai perjalanan mereka mengikut prinsip Syariah dengan menggunakan tawaran kewangan HLISB, khususnya Pembiayaan Peribadi-i sehingga RM150,000 dan Akaun Pay & Save-i.

Pengarah Andalusia, Ida Ris-



Ida Riswana bertukar dokumen bersama Dafinah (dua dari kanan) selepas menandatangani memorandum persefahaman sambil diperhatikan Md Daud dan Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Hong Leong Bank, Zalman Zainal di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

wana Idris, berkata sepanjang 25 tahun yang lalu, jumlah jemaah umrah dari Malaysia meningkat sebanyak 900 peratus.

Beliau berkata, ia mencerminkan pertumbuhan yang ketara dalam minat menunaikan ibadah umrah apatah lagi Malaysia diberi pelbagai keistimewaan oleh kerajaan Arab Saudi.

Justeru, katanya, kerjasama yang terjalin dengan HLISB boleh mendatangkan faedah kepada semua pihak dengan memanfaatkan pangkalan pelanggannya yang besar.

"Kerjasama dengan HLISB ini memastikan pelanggan kami mendapat akses kepada pembiayaan ibadah umrah yang patuh Syariah, digital dan berpatutan

dengan rangkaian dan perkhidmatan kewangan yang holistik.

"Kami percaya ini akan memberi lebih banyak peluang kepada masyarakat Islam untuk mengurus kewangan dengan berkesan dalam era digital hari ini, sambil menunaikan kewajipan agama dengan asas kewangan patuh Syariah," katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman antara HLISB dan Andalusia di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi HLISB, Datuk Seri Dr Md Hamzah Md Kassim; Ketua Pegawai Eksekutif HLISB, Dafinah Ahmed Hilmi dan Pengerusi Andalusia, Datuk Md Daud Che Ngah.

Sementara itu, Dafinah berkata,

sebagai sebahagian daripada kerjasama, HLISB akan menawarkan Akaun Pay & Save-i dan Pembiayaan Peribadi-i kepada semua yang ingin menunaikan ibadah umrah.

## Pembiayaan patuh Syariah

Beliau berkata, pembiayaan peribadi-i HLISB menawarkan pembiayaan patuh Syariah kepada pelanggan untuk menunaikan kewajipan agama yang disertakan dengan rebat untung 'Bayar Tepat Masa' sebanyak 60 peratus dan pin tambah nilai e-dompet Touch n Go RM50 dengan setiap permohonan yang berjaya.

Katanya, akaun Pay & Save-i juga menyediakan keuntungan sehingga 4.15 peratus setahun di atas baki akaun.